

# AL-HIKMAH

---

**Jilid            9            ISSN 1985-6822            2017**  
**No.            1            1438**

---

- ANALISIS AWAL PEMILIHAN JODOH KAUM LELAKI DI KOTA BHARU, KELANTAN ...3-24  
*Abdul Munir Ismail & Muhamad AR*
- HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN PENGETUA DAN KEPUASAN KERJA KAKITANGAN KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA ...25-32  
*Zaizul Ab. Rahman & Qurratu Ain Rapihi*
- KESAN FILEM SERAM TERHADAP PEGANGAN AGAMA: SUATU TINJAUAN LITERATUR ...33-48  
*Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi & Muhammad Faisal Asha'ari*
- ANALISIS TERHADAP TAHAP-TAHAP KETAGIHAN MENURUT TEORI AL-'ISHQ IBNU QAYYIM AL-JAWZIYYAH ...49-59  
*Abdul Wahab Md. Ali*
- PENGHAYATAN AGAMA ISLAM DALAM KALANGAN BIDAYUH MUSLIM SARAWAK ...60-79  
*Roziah Binti Chek & Jaffary Bin Awang*
- TRANSFORMASI HUBUNGAN KEKELUARGAAN SAUDARA KITA DARI SUDUT AKHLAK SELEPAS MEMELUK ISLAM DI JOHOR ...80-109  
*Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit*
- BAHASA DA'I DALAM KOMUNIKASI DAKWAH KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI ...110-127  
*Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Haji Aini*
- GERIMIS: PENGGUNAAN FILEM TAN SRI P. RAMLEE SEBAGAI KAJIAN KES DALAM KURSUS KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) ...128-140  
*Selvarani P. Kovil Pillai*
- KESEDARAN AGAMA DI KALANGAN BELIA DI DESA KEDA SADEK, KUPANG, KEDAH: SUATU KAJIAN TINJAUAN LITERATUR...141-158  
*Muhammad Khairul Azhar Ghazali & Nur 'Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah*
- SUMBANGAN SHAYKH MUIM AL-WAHHAB DALAM BIDANG POLITIK DI BESILAM LANGKAT... 159-172  
*Zikmal Fuad & Abdul Ghafar Don*
- BOOK REVIEW: ARCHAEOLOGY & WORLD RELIGION... 173-179  
*Badlihisham Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don, Gan Wei Nie, Ismah Shamirah Ismail, Nur Amira Mohd Zailani & Raja Puteri Nurul Affiqah Raja Ahmad*

*Al-Hikmah* 9(1) 2017: 110-127

## Bahasa Da`i dalam Komunikasi Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli

Da`i Language in Da`wah Communication Toward Community of Orang Asli

NUR DAMIA HUSNA NOR SAD  
ZULKEFLI HAJI AINI

### ABSTRAK

Dalam konteks dakwah, pendakwah berperanan sebagai komunikator risalah Islam. Aspek bahasa merupakan instrumen utama yang berperanan dalam kehidupan makhluk sosial. Namun demikian,kekangan dari aspek persediaan pendakwah, kemahiran penyampaian dan penguasaan bahasa dakwah menyebabkan usaha dakwah semakin mencabar. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji ciri-ciri bahasa dakwah dalam konteks dakwah Orang Asli. Kajian menggunakan reka bentuk kajian kes. Temubual separa struktur merupakan kaedah pengumpulan data ialah yang melibatkan seramai sembilan orang pendakwah. Pemilihan sampel dibuat melalui secara bertujuan. Data kajian dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahasa dakwah meliputi empat ciri-ciri iaitu bahasa baik dan benar, bahasa mudah difahami, bahasa sopan dan lemah lembut serta bahasa jelas dan teratur. Penggunaan bahasa baik dan benar adalah dengan menyebarkan maklumat yang benar, tidak berbohong dan jujur dengan tindakan. Bahasa mudah difahami seperti tidak menggunakan perkataan saintifik dan loghat bahasa negeri asal. Bahasa sopan dan lemah lembut pula tidak menggunakan perkataan yang negatif dan menyinggung perasaan. Kemudian, bahasa yang jelas dan teratur adalah menyebut perkataan teratur dan ringkas. Walaubagaimanapun, terdapat segelintir pendakwah tidak berhati-hati dengan penggunaan bahasanya dalam dakwah. Kajian ini membantu agensi yang terlibat seperti JAKIM dan NGO-NGO dakwah berkaitan dalam usaha penambahbaikan kualiti komunikasi pendakwah dalam konteks dakwah Orang Asli.

**Kata Kunci:** *Bahasa, Pendakwah, dan Komunikasi.*

### ABSTRACT

Abstract: In the context of dakwah, da`i plays the role as the communicator's Islam. In fact, the use of language for dakwah is integral in the life as social beings. However, constraints in terms of the readiness of the da`i, effectiveness of delivery and lack of mastery of the language make the dakwah effort become more

challenging. Therefore, the purpose of this research is to study the characteristic of language used for dakwah of aborigines. This qualitative research utilizes case study method. Semi-structured interviews is applied for the methodology for data collection which is involved nine da'i who are directly involved in the dakwah with the aborigines. Research outcomes show that the language used for dakwah comprises of four characteristic i.e. proper and honest language, easily understood language, courteous language and language that is clear and organised. Proper and honest language are capable of disseminating of true information. While easily understood language are not using some scientific term and their own regional dialect. Thus, courteous language are when da'i not using a negative connotation meaning and for clear and organised language for a straightforward and well constructed sentences. However, this research also found that some da'i are not careful their language. This research helps related agencies such as Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and Non-Government Organisations (NGOs) to improve the quality of communications among da'i in the context of dakwah of aborigines.

Keyword: Language, Da'i and Communication.

## PENGENALAN

Tugas sebagai seorang pendakwah memerlukan penguasaan kemahiran dan teknik pendekatan yang sesuai dengan golongan sasaran yang terlibat (Ab. Aziz, 2001). Salah satu kemahiran dan teknik pendekatan yang dimaksudkan ialah melalui elemen bahasa dakwah. Dalam konteks komunikasi dakwah, Toto Tasmara (1997) menjelaskan ia melibatkan empat proses utama iaitu pendakwah sebagai komunikator, mesej dakwah yang disampaikan, pendekatan yang digunakan dalam dakwah dan tujuan bagi mencapai misi dan objektif dakwah. Hal ini selari dengan kenyataan Munif (2015) bahawa dalam proses penyampaian maklumat, bahasa merupakan aspek utama yang menjadi perantaraan antara manusia. Walau bagaimanapun, beliau turut menyatakan bahawa faktor pendidikan, gaya hidup, agama, budaya dan pengalaman menjadikan bahasa yang digunakan sebagai medium dakwah perlu disampaikan mengikut kesesuaian keadaan semasa. Hal ini turut dibahaskan oleh al-Qaradhawi (1996) iaitu pendakwah perlu mengetahui keadaan dan latar belakang kehidupan mad'u supaya dapat memahami fenomena dakwah yang berlaku. Malah, Zaydan (1976) menjelaskan bahawa usaha dakwah ini melibatkan proses pembelajaran dan pengajaran (tarbiyyah dan ta'lim).

Dalam konteks dakwah Orang Asli, individu yang dipertanggungjawabkan untuk memberikan dakwah khusus kepada golongan ini terdiri daripada Pendakwah Masyarakat Orang Asli (PMOA)

dan Panel Dakwah Muallaf (PDM). Usaha dakwah kepada masyarakat Orang Asli merupakan usaha yang mencabar dan memerlukan kepada pendekatan dakwah yang sesuai dengan tahap kefahaman golongan ini. Ini menjadikan tugas dakwah tidak semudah yang disangka (Syed Abdurrahan, 2010). Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan hasil kajian yang menumpukan kepada aspek bahasa dakwah yang diaplikasikan di kalangan PMOA dan PDM terhadap masyarakat Orang Asli.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan seramai lapan orang peserta kajian dan seorang informan dengan menggunakan kaedah proses temu bual separa struktur sebagai instrumen kajian. Peserta kajian terdiri daripada pendakwah masyarakat Orang Asli di negeri Selangor iaitu Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) dan Panel Dakwah Muallaf (PDM) yang merupakan individu khusus yang menyampaikan dakwah kepada Orang Asli. Pemilihan sampel dalam kajian ini dipilih secara bertujuan iaitu purposive sampling. Dalam kajian ini, kajian rintis telah dilakukan bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan terhadap soalan temu bual yang dibina. Hasil kiraan Cohen Kappa menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang dicapai ialah sebanyak 1.0 iaitu tahap indikator di tahap yang tinggi. Proses penganalisisan data dilakukan dengan menyusun dapatan kajian sesuai dengan tema dan bahagian yang telah dibina bagi setiap soalan yang menjawab objektif kajian.

### **Konsep Bahasa Dalam Dakwah**

Berlo (1960) menjelaskan bahasa ialah perkataan dan sebutan yang disebut oleh seseorang individu yang membawa maksud dan makna tertentu dalam proses komunikasi. Beliau menjelaskan bahawa bahasa bukan sahaja mewakili kepada simbol semata-mata. Bahkan ia membawa pengertian dan menginterpretasikan maksud sebenar seseorang dalam berkomunikasi. Seiring dengan penjelasan beliau, (A. Makarma 2014; Banhart 1976 dan Danang Dwi 2015) turut menjelaskan pengertian yang sama iaitu simbol-simbol yang mewakili bahasa membawa makna kepada setiap perkataan yang diucapkan. Dalam konteks dakwah, Munif Zariruddin (2015) menjelaskan bahawa bahasa memainkan peranan penting dalam proses kelangsungan dakwah yang disampaikan. Ini kerana, bahasa merupakan

medium utama sebagai pemindahan maklumat iaitu berkaitan mesej dakwah antara komunikator sebagai sumber dan golongan sasaran sebagai penerima. Mustafa Daud (2000) juga menjelaskan dalam proses komunikasi dakwah, bahasa berfungsi sebagai media penyebaran dakwah, media pendidikan, media ilmu pengetahuan, media politik, media sosial dan media perdagangan dalam tamadun Islam. Tambahan lagi, Samsuri (1980) menjelaskan penggunaan bahasa sememangnya sangat signifikan melihat kepada dunia manusia yang sememangnya terikat dengan pengucapan seharian. Hasil kajian Nurul Salmi (2014) menunjukkan kepentingan bahasa iaitu sebanyak 70% aktiviti harian melibatkan penggunaan bahasa digunakan dalam kehidupan harian manusia.

Dalam konteks komunikasi dakwah, Djamalul Abidin (1996) menyifatkan bahasa sebagai alat utama yang turut mempengaruhi keperibadian dan perilaku diri pendakwah. Beliau menambah bahawa peribahasa ‘bahasa menunjukkan bangsa’ melambangkan fungsi dan kepentingan bahasa yang digunakan oleh seseorang individu dalam proses komunikasi. Sulaiman Masri (1998) turut menjelaskan pemilihan dan penggunaan bahasa penting kerana khalayak yang mendengar berupaya untuk menafsir mesej yang disampaikan mengikut bahasa yang digunakan oleh seorang penyampai. Sehubungan dengan itu, Saodah Wok et al. (2003) menyatakan bahawa seorang pendakwah perlu mengaplikasikan bahasa-bahasa yang sesuai serta menarik untuk didengarkan dalam berkomunikasi. Mustafa Masyur (2007) menjelaskan bahawa kesedaran mengenai rasa tanggungjawab dalam menjaga tatasusila adalah penting apabila memulakan sesuatu perbicaraan demi kebaikan bersama. Ini kerana, Zainuddin & Ziadatul (2006) menjelaskan bahasa mampu dimartabatkan seandainya manusia memahami tertib dan cara berkomunikasi.

Oleh itu, bahasa bukan sahaja berperanan sebagai medium perantaraan dalam proses komunikasi. Malah, bahasa juga turut melambangkan adab, perilaku dan tindakan seseorang individu dalam setiap penyampaian mesej yang dilakukan. Dalam erti kata lain, madcu membuat penilaian terhadap pendakwah melalui gaya penyampaian yang disampaikan. Proses ini menunjukkan pemilihan bahasa yang sesuai dengan tahap keupayaan madcu berperanan akan membawa pengaruh kepada penyampaian individu yang berkesan. Penglibatan bahasa sebagai alat utama komunikasi menjadikan kayu ukur kepada mesej dakwah yang disampaikan sama ada diterima oleh madcu atau sebaliknya.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan penggunaan bahasa dakwah yang digunakan oleh pendakwah PMOA dan PDM merangkumi empat ciri dalam proses dakwah kepada masyarakat Orang Asli. Bahasa dakwah yang dimaksudkan ialah bahasa yang benar dan jujur, bahasa yang mudah difahami, bahasa yang sopan dan lemah lembut dan bahasa yang jelas dan terang. Walau bagaimanapun, dari aspek penguasaan penggunaan bahasa Orang Asli, hasil kajian ini mendapati PMOA dan PDM kurang menguasai dan memahami bahasa Orang Asli.

### **Bahasa yang Benar dan Jujur**

Hasil kajian menunjukkan, pendakwah menggunakan bahasa yang digunakan mestilah mempunyai maklumat yang benar dan bersifat jujur. Hal ini penting kerana menurut Asep (2013) yang berpandangan bahawa seseorang individu dikatakan menggunakan bahasa yang benar ialah ketika ia mengambil berat mengenai isi kandungan percakapannya, maklumat yang disampaikan adalah tepat dan tiada unsur pendustaan dalam bahasa yang digunakan. Daripada temu bual yang dijalankan bersama PK 5, beliau berpendapat bahasa yang benar dan jujur bukan sahaja diukur terhadap kata-kata seorang pendakwah tersebut. Malah, setiap tindakan dan tingkah laku yang diambil turut dinilai oleh masyarakat Orang Asli bagi memastikan dakwahnya berkesan. Hal ini penting kerana hasil kajian menunjukkan terdapat segelintir pendakwah yang tidak mengambil berat mengenai isu ini sehingga berlakunya salah faham di kalangan masyarakat Orang Asli terhadap pendakwah tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh PK 5 melalui kenyataannya iaitu:

*“...Sebab saya dengar aduan, PMOA minta caj nak hantar muallaf ke pejabat agama untuk urusan pernikahan. Macam mana Orang Asli nak respect, nak percaya? Ok, Orang Asli kebanyakkan buta huruf, dia minta PMOA keluarkan duit, ‘ustaz, tolong keluarkan duit saya, ini password saya’. Sampai kat dia kurang. Kita pun pelik. Sebab bila check, duit kelas dia pun patutnya ada lagi. Banyak isu. Peribadi PMOA kena ikhlas, jujur. Amanah tu penting. Kalau PMOA buat kerja betul, in shaa allah dia akan percaya PMOA lebih lagi dari yang lain. Bantu biar ikhlas. Jangan minta tip pula kat dia”.*

Keadaan ini menunjukkan aspek kebenaran dan kejujuran melalui kata-kata dan tindakan pendakwah ialah saling berkait antara satu sama lain. Sesuai dengan kenyataan Munzier & Harjani (2009), kaedah dakwah bi al-Hal bukan sahaja terhad pada lisan pendakwah, tetapi juga dengan perbuatan pendakwah yang benar dan jujur. Hal ini turut diperakui oleh informan 1 yang mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

“Percaya ni, dia kena yakinkan dulu dengan Orang Asli. Contohnya mesti dari segi akhlak dan percakapan. Buktikan percakapan dengan perbuatan…”.

Sebagaimana yang telah dirakamkan melalui firman Allah SWT dalam al-Quran iaitu:

وَمَنْ أَحْسَنُ قُولًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَىٰ اللَّهِ وَعَمِلَ صَلِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ<sup>۲۲</sup>

Maksudnya:

*Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang salih, sambil berkata: ‘Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam, (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!’.*

(al-Qur'an, Al-Fussilat 41: 33)

Justeru itu, bagi memastikan kelangsungan dakwah memerlukan kepada pendakwah yang mengamalkan penggunaan bahasa dakwah secara benar dan jujur meliputi aspek bahasa dan tindakannya terhadap mad'u. Menurut Mustafa (2000), dalam konteks dakwah pemilihan bahasa merupakan aspek utama kerana bahasa adalah media dakwah yang melambangkan ketamadunan sesebuah masyarakat. Hal ini selari dengan dapatan kajian Adawiyah et al. (2014) yang menyatakan bahawa faktor kegagalan dakwah adalah berpunca daripada teknik pendekatan dan penampilan yang ditonjolkan oleh diri seorang pendakwah. Sesuai dengan kenyataan Muhammad Natsir (1978), seorang pendakwah tidak cukup hanya dengan mempersiapkan dirinya terhadap ilmu semata-mata. Sebaliknya, keperibadian diri pendakwah juga perlu diambil kira kerana ia mencerminkan realiti pendakwah yang sebenar.

### Bahasa yang Mudah Difahami

Acmad Mubarok (1997) menyenaraikan ciri-ciri bahasa dakwah yang mudah difahami ialah bersifat ringan penyampaiannya, sederhana dan mudah diterima oleh golongan yang mendengar. Dalam kajian ini, hasil temu bual bersama PMOA dan PDM mendapat terdapat tiga elemen khusus yang dikatakan dengan penggunaan bahasa yang mudah difahami. Elemen khusus yang dimaksudkan ialah pendakwah yang tidak menggunakan istilah-istilah yang sukar difahami, tidak menggunakan dialek loghat negeri kelahirannya, dan menjelaskan sesuatu mesej dakwah dalam bentuk gambaran.

Daripada temu bual yang dijalankan menunjukkan PK 1 hingga PK 9 tidak bersetuju dengan penggunaan istilah-istilah yang sukar difahami oleh masyarakat Orang Asli. Contohnya, seorang pendakwah yang menggunakan perkataan bahasa Inggeris seperti pluralisme, vandalisme dan sekularise dilihat tidak sesuai kerana ia akan menyebabkan kesukaran di kalangan masyarakat Orang Asli untuk memahaminya. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Abdul Razaq & Zalizan (2009) yang turut mendapati bahawa kaedah menggunakan perkataan yang sukar difahami terhadap Orang Asli tidak sesuai memandangkan daya pemikiran mereka yang masih berada di tahap yang lemah. Seperti Firman Allah SWT dalam al-Qur'an iaitu:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضْلِلُ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya:

*Dan kami tidak mengutuskan seorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturanNya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dialah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

(al-Qur'an, Ibrahim 14: 4)

Dari aspek penggunaan dialek loghat negeri kelahiran asal pendakwah, hasil kajian ini menunjukkan PK 1 hingga PK 9 mempunyai pendapat yang sama iaitu keperluan usaha pendakwah untuk mengubah loghat bahasanya sekiranya kampung yang didiami itu berlainan dengan negeri asalnya. Contohnya, PK 1 menjelaskan situasi apabila video ceramah Ustaz Azhar Idrus ditayangkan kepada masyarakat Orang Asli, mereka tidak dapat memahami perkataan yang digunakan oleh pendakwah tersebut. Ini kerana, loghat bahasa yang digunakan ialah bahasa negeri Terengganu. Beliau turut menjelaskan situasi yang berbeza sekiranya tayangan filem P. Ramlee ditayangkan, PK 1 menjelaskan Orang Asli menunjukkan respon positif dengan adegan lucu yang terdapat dalam filem tersebut. Lebih jelas lagi, PK 1 menyatakan bahawa Orang Asli memahami bahasa yang digunakan dalam filem tersebut. Hasil kajian ini selari dengan kajian Abdul Ghafar & Ahmad Redzuwan (2009) yang turut mendapati bahawa Orang Asli terhibur apabila filem P. Ramlee ditayangkan kerana ia mempunyai aksi dan adegan lucu. Dapatkan yang sama oleh kajian Kajian Tiang (2016) terhadap, filem P. Ramlee yang bertajuk ‘Ibu Mertuaku’ menunjukkan nilai-nilai kesopanan penggunaan Bahasa Melayu melalui dialog yang digunakan dalam filem tersebut. Selari dengan kajian Rohani & Noor Hasnoor (2014) yang menunjukkan bahasa masyarakat Orang Asli Temuan mudah memahami penggunaan bahasa Melayu kerana penggunaan bahasa yang dituturkan mempunyai persamaan dengan bahasa yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli dari suku kaum Temuan.

Di samping itu juga, hasil kajian menunjukkan pendakwah menyampaikan mesej dakwah dalam bentuk gambaran kepada masyarakat Orang Asli. Hasil temu bual bersama PK 3, PK 5, PK 7 dan PK 8 menunjukkan bahawa kaedah bentuk gambaran ini disitilahkan sebagai ‘bahasa nampak’ oleh mereka dalam penyampaian dakwah. ‘Bahasa nampak’ ialah kaedah menggambarkan sesuatu kepada masyarakat Orang Asli supaya mereka meyakini dan dapat membayangkan terhadap mesej yang disampaikan oleh para pendakwah.

Contohnya, PK 3 menjelaskan beliau menggunakan kaedah ‘bahasa nampak’ kepada masyarakat Orang Asli bagi menggambarkan mengenai kekuasaan Allah SWT. Untuk menerangkan mengenai kekuasaan Allah SWT merupakan perkara yang subjektif iaitu tidak dapat dilihat dengan mata kasar oleh manusia. Keadaan ini memerlukan kepada penjelasan secara terperinci supaya Orang Asli dapat memahami dan menghayati mesej yang disampaikan kepada mereka. PK 3 menjelaskan, kaedah ‘bahasa nampak’ yang digunakan ialah dengan membuat gambaran mengenai sebatang pokok. Menurutnya lagi, ketika bersama masyarakat Orang Asli, beliau

menjelaskan keadaan sebuah pokok yang cantik, buahnya yang lebat dan daunnya yang berwarna hijau. Konsep penceritaan mengenai sebatang pokok itu kemudiannya menampakkan kekuasaan Allah yang Maha Mencipta.

Kaedah yang sama turut dilakukan oleh PK 7 yang memberikan contoh untuk menyampaikan mesej mengenai Syurga dan Neraka. Bagi PK 7, mesej yang disampaikan terhadap masyarakat Orang Asli perlu bersifat mudah dan tidak berat bagi mereka untuk menerima mesej tersebut. Oleh itu, beliau mengumpamakan dengan mudah berkenaan konsep Syurga dan Neraka. Contohnya, beliau menyatakan kepada Orang Asli dengan memberikan gambaran bahawa orang yang baik akan disayangi, mendapat balasan tempat yang selesa, cantik dan indah. Manakala, orang yang berbuat jahat akan dihukum. Begitulah keadaan di Syurga dan Neraka.

Menurut Sang, Mok Soon (2012), antara kaedah yang berkesan di kalangan guru mengajar dalam proses PNP ialah dengan konsep bercerita dan berdemonstrasi iaitu kaedah tunjuk cara seperti melukis dan membuat lakaran bagi memudahkan proses kefahaman murid. Selaras dengan dapatan kajian Wee, Chiong Lee (2009) juga menunjukkan, kaedah visual kepada murid menarik perhatian mereka dalam proses PNP. Menurut kajian ini, murid akan mula meneka gambar visual yang dilukiskan dan menunjukkan minat untuk mendengar cerita guru. Keadaan ini menunjukkan, pendakwah boleh menggunakan kemahiran bercerita dan kemahiran melukis dalam usaha memudahkan Orang Asli untuk memahami pengisian dakwahnya. Selain itu, kajian Rohani & Jamil (2010) menunjukkan, strategi dalam pembelajaran perlu dilakukan secara kreatif dan inovatif supaya penyampaian ilmu menjadi efektif dan menarik. Dalam kaedah pedagogi, kajian Haslinda et al. (2015) mendapatkan, guru memainkan peranan melalui kaedah hands-on dan minds-on kepada kanak-kanak Orang Asli. Kaedah bermain dilihat menjadi keutamaan dalam proses PNP. Tambahan lagi, kajian Sarjit et al. (2010) menunjukkan Orang Asli tidak menyukai aktiviti yang bersifat formal.

## BAHASA YANG SOPAN DAN LEMAH LEMBUT

Menurut Achmad Mubarok (1999), bahasa dakwah yang sopan bermaksud seorang pendakwah yang menuturkan kata-katanya dalam keadaan lembut, tenang, tidak kasar dan tidak tergopoh-gapah. Budaya berbahasa secara sopan menunjukkan seseorang itu tidak menyalahi norma kehidupan individu yang mendengar penyampaiannya (Sara & Indirawari, 2015).

Daripada hasil temu bual bersama para PK menunjukkan dua elemen yang dikategorikan sebagai bahasa dakwah yang sopan dan lemah lembut. Elemen tersebut merangkumi menggunakan perkataan-perkataan yang disukai oleh Orang Asli dan tidak menggunakan perkataan yang tidak disukai seperti perkataan yang menyentuh pantang larang dan mempunyai unsur negatif dalam kehidupan mereka. Mohd Yusof (1990) menyatakan bahawa, seorang pendakwah dituntut agar bercakap secara lemah lembut menjadi teras dan prinsip utama dalam komunikasi Islam. Kisah Nabi Musa AS dan Harun AS menjadi teladan yang menunjukkan bahawa perintah Allah SWT supaya bercakap secara lemah lembut kepada seorang pemerintah yang zalim pada ketika itu iaitu Fircaun. Sebagaimana yang dirakamkan oleh al-Qur'an melalui firman Allah SWT:

اُذْهَبَا إِلَى فِرْعَوْنَ إِنَّهُ وَطَغَىٰ فَقُولَا لَهُ وَقُولًا لَّيْسَنَا لَعَلَّهُ وَيَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ۝

Maksudnya:

*"Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya. "Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut".*

(al-Qur'an, Surah Taha 20: 43-44)

Dari aspek penggunaan perkataan yang disukai oleh Orang Asli, hasil temu bual bersama PK 5, PK 7 dan PK 8 menunjukkan Orang Asli menyukai penggunaan bahasa dakwah yang mempunyai unsur positif, unsur motivasi, unsur memuji dan tiada unsur yang menyentuh pantang larang dalam kehidupan mereka. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh PK 5:

*"Yang puji-puji tu macam cantik. So dia suka la, tersipu-sipu macam tu... Macam kita sokong dia la kan... Contoh macam 'boleh, awak mesti boleh buat...'. Dia suka la. Contoh, puji dia. 'awak pandai... '.*

Daripada kenyataan PK 5, perkataan seperti 'cantik', 'boleh' dan 'pandai' memberikan kesan positif kepada masyarakat Orang Asli ketika proses komunikasi berlaku. Ini kerana, perkataan yang digunakan mempunyai unsur-unsur yang bersifat positif, memuji dan motivasi terhadap masyarakat Orang Asli. Kenyataan Abdullah Hassan (2007) menunjukkan bahawa bahasa membawa pengaruh besar kepada si pendengar. Beliau menjelaskan

lagi bahawa manusia lebih menyukai dan mudah dipengaruhi dengan pemilihan kata-kata yang positif dalam kehidupan seharian. Hal ini bergantung kepada kemahiran seseorang dalam memastikan proses komunikasinya berkesan terhadap individu yang mendengar.

Selain daripada itu, keperihatinan dan kepekaan dalam pemilihan perkataan penting supaya tidak menyentuh sensitiviti dan pantang larang masyarakat Orang Asli. Hasil temu bual bersama PK 1 hingga PK 9 jelas menunjukkan pendakwah dilarang sama sekali daripada menyebut perkataan-perkataan seperti ‘Sakai’ dan ‘Jakun’ terhadap masyarakat Orang Asli. Muhammad Busu (2016) menyatakan bahawa istilah-istilah seperti penggunaan perkataan ‘Sakai’ dan ‘Jakun’ merupakan perkataan yang menjadi pantang larang dalam kehidupan masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan perkataan yang menjadi sensitif di kalangan Orang Asli berbeza mengikut perkampungan masing-masing. Keadaan ini memerlukan kepada kepekaan pendakwah dalam mengambil tahu sensitiviti yang terdapat di perkampungan Orang Asli. Contohnya, PK 2 dan PK 8 menyatakan bahawa Orang Asli di perkampungan mereka tidak menerima pendakwah sekiranya ia menyebut perkataan ‘Hitam’ dan ‘Orang Hutan’. Bagi penduduk kampung tersebut, penggunaan perkataan tersebut seolah-olah menghina keturunan dan diri mereka malah menggambarkan mereka seperti sifat perkataan ‘Hitam’ dan ‘Orang Hutan’.

Ramlee Abdullah (2016) menyatakan bahawa sifat pendakwah yang tidak peka dan prihatin terhadap masyarakat Orang Asli akan memberikan kesan negatif kepada diri pendakwah tersebut. Ini kerana, Jo Komar & W. A Amir (2014) menjelaskan masyarakat Orang Asli sangat menjaga adab dan pantang larang dalam kehidupan seharian mereka. Malah, masyarakat Orang Asli juga mempunyai prinsip iaitu “Biar matik enek, jangan matik adat” yang bermaksud “biar mati anak, jangan mati adat”. Tambahan lagi, kajian Juli Edo (1988) menunjukkan bahawa komuniti Orang Asli dipengaruhi oleh adat dan nilai yang diwarisi dari generasi terdahulu. Ini menjadikan setiap suku kaum di perkampungan Orang Asli mempunyai etnik dan budaya tersendiri (Siti Aminah & Seow, 2013).

Di samping penggunaan perkataan yang menyentuh pantang larang dan adat Orang Asli, hasil kajian turut menunjukkan pendakwah tidak boleh menggunakan perkataan yang mempunyai unsur negatif. Temu bual bersama PK 4 menyatakan bahawa pendakwah tidak boleh menyebut perkataan seperti ‘celaka’, ‘kurang ajar’, ‘malas’, ‘anak luar nikah’, dan ‘anak sah taraf’. Bagi masyarakat Orang Asli, perkataan ini menggambarkan pendakwah mengeji atau merendah-rendahkan mereka. Selain itu juga, pendakwah juga perlu berhati-hati daripada menggunakan perkataan-

perkataan yang mungkin akan mewujudkan salah faham dalam kalangan masyarakat Orang Asli. PK 2 memberikan contoh melalui kenyataannya seperti berikut:

*“...contoh macam ‘kalau kau tak datang kelas, aku tak nak uruskan bantuan kau’. Macam tu yang buat salah faham Orang Asli dan PMOA. Jadi bagi kesan la pada PMOA lain”.*

Temu bual bersama PK 5 juga turut menyatakan bahawa pemilihan pendakwah dalam berkomunikasi bersama Orang Asli penting bagi mengelakkan berlakunya salah faham semasa proses komunikasi berlangsung. Menurutnya lagi, walaupun seorang pendakwah tidak berniat untuk mengguris perasaan Orang Asli, namun disebabkan sifat masyarakat Orang Asli yang mudah tersentuh hati dikhuatiri akan menyebabkan mereka mempunyai tanggapan yang salah terhadap pendakwah tersebut. Kenyataan beliau seperti berikut:

*“...Sampai merajuk. Takkun join apa-apa. Sampai tak bertegur. Orang Asli ni mudah ambil hati. Sensitif. Ada setengah PMOA tegur tau, dia hanya tegur. Tak boleh macam ni, kena pakai tudung semua. Tak boleh macam ni nanti masuk Neraka. Dah tak datang kelas... Walaupun tu nasihat, tapi dia anggap kita ni marah kat dia. So, merajuk. Program tak nak pergi. Kelas pun tak nak datang... ”.*

Sikap berhati-hati dalam pemilihan bahasa dakwah penting kerana menurut Nur Bahiyah et al. (2013), masyarakat Orang Asli mempunyai sifat yang terlalu sensitif dan mudah terasa. Kajian Abdul Razaq & Zalizan (2009) juga turut mendapati selain sifat sensitif dan mudah terasa, masyarakat Orang Asli juga mudah merajuk dan mempunyai sifat rendah diri.

### **Bahasa yang Jelas dan Teratur**

Daripada proses temu bual yang dijalankan dalam kajian ini, hasil kajian menunjukkan bahasa dakwah yang jelas dan teratur ialah ketika seorang pendakwah berkomunikasi dengan tidak menggunakan penggunaan ayat yang terlalu panjang dan tidak bercakap secara laju terhadap masyarakat Orang Asli. PK 1, PK 7, PK 8 dan PK 9 menjelaskan bahawa pendakwah tidak disarankan untuk berkomunikasi secara terperinci dalam pemilihan ayatnya. Bagi mereka lagi, cukup sekadar menggunakan perkataan yang ringkas dan singkat bagi memudahkan kefahaman masyarakat Orang Asli

terhadap mesej dakwah yang disampaikan. Contohnya, PK 1 menjelaskan semasa proses pembelajaran dan pengajaran (PNP) dijalankan, tempoh kelas tersebut tidak boleh melebihi 2 jam. Dapatkan kajian ini turut diperakui oleh PK 7 yang menyatakan bahawa tempoh pembelajaran di kalangan masyarakat Orang Asli mengenai sesuatu topik seperti solat, puasa, dan sebagainya mengambil masa yang lama. Menurutnya lagi, pendakwah perlu sentiasa mengulang-ulang kerana Orang Asli mudah lupa. Selaras dengan kajian Shaari et al. (2011) turut menunjukkan hal ini berlaku kerana masyarakat Orang Asli mudah lupa kerana daya pemikiran mereka masih di tahap rendah. Tambahan lagi, dapatkan kajian yang sama turut diperoleh dalam kajian Abdul Razaq & Zalizan (2009) iaitu kanak-kanak Orang Asli hanya menumpukan perhatian selama 15 minit sahaja kerana cepat merasa bosan dan jemu dalam proses PNP.

Sehubungan dengan itu, hasil kajian turut menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli tidak suka mendengar perkataan dan ayat yang terlalu panjang. Bagi mereka, pendakwah yang bercakap dengan kadar tempoh masa yang lama akan menyebabkan mereka merasa bosan untuk mendengar penyampaian pendakwah tersebut. Kenyataan daripada PK 5 adalah seperti berikut:

*“Membosankan. Orang Asli ni kita tak boleh nak cakap panjang-panjang. Cakap ringkas-ringkas lepas tu balik. Esok datang cakap lagi... ”.*

Namun begitu, kajian mendapati sekiranya proses PNP dilakukan di kawasan persekitaran seperti sungai dan bawah pokok, kanak-kanak Orang Asli mampu untuk memberi tumpuan selama 30 minit (Abdul Razaq & Zulizan, 2009). Penjelasan Ma’rof & Sarjit (2008) menyatakan bahawa kanak-kanak Orang Asli lebih menyukai pembelajaran secara tidak formal seperti suasana yang bebas. Sehubungan dengan itu, kajian Shaari et al. (2011) turut mendapati Orang Asli lebih minat dengan aktiviti luar dan alam sekitar. Ini menunjukkan bahawa keperluan pembaharuan seperti proses PNP yang dijalankan luar dari kelas.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan ciri bahasa dakwah meliputi aspek bahasa yang benar dan baik, bahasa mudah difahami, bahasa sopan dan lemah lembut serta bahasa yang jelas dan teratur. Setiap bahasa

yang dinyatakan mempunyai kriteria-kriteria yang telah dibincangkan dalam kertas kerja ini. Walau bagaimanapun, dari aspek penguasaan bahasa Orang Asli, hasil kajian mendapat pendakwah kurang menguasai dan memahami penggunaan bahasa Orang Asli. Keadaan ini memerlukan penyediaan latihan secara berkala khusus kepada PMOA dan PDM untuk mempelajari bahasa Orang Asli. Usaha ini perlu kerana salah satu kemahiran dalam mendekati masyarakat Orang Asli ialah melalui kemampuan pendakwah untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Orang Asli. Di samping itu juga, usaha memahami pemilihan dan penggunaan bahasa dakwah yang telah dibincangkan juga wajar dititikberatkan kerana elemen bahasa memainkan peranan dalam memastikan komunikasi yang berkesan.

## PENGHARGAAN

Pembentangan kertas kerja ini dalam Seminar Antarabangsa Multi Etnik dan Silang Budaya dibiayai oleh Geran Galakan Penyelidik Muda, Kod Penyelidikan: GGPM-2016-051.

## RUJUKAN

- al-Qur'an Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an. 2001. Terj. Sheikh cAbdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- A. Makarma. 2014. Komunikasi dakwah efektif dalam Perspektif al-Quran. *Jurnal Studia Islamika* 11(1): 127-151.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 2001. Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Don & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2009. Dakwah kepada Orang Asli Melalui Seni Hiburan Alternatif di Malaysia: Model Latihan Amali Dakwah (LAD). *Jurnal al-Hikmah*, Vol. 1 (1): 3-12.
- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas. 2009. Kesedaran pendidikan dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli: perspektif pendidikan dan sosiobudaya. Bangi: Penerbit UKM.

Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasani Dali. 2011. Kanak-kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: menggapai literasi bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(2): 59-70.

Abdullah Hassan. 2007. Berdakwah dengan Efektif. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions.

Achmad Mubarok. 1999. Psikologi Dakwah. Jakarta: Pusaka Firdaus.

Adawiyah Ismail, Fairuz Hafizah Othman & Salasiah Hanim Hamjah. 2014. Islah sikap masyarakat Berjiran menurut Islam di Sungai Raia. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-Etnik. Anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi. Bangi, 17-19 Mac.*

Asep Syamsul M. Romli. 2013. Komunikasi Dakwah Pendekatan Praktis. Indonesia.

Banhart. S, A. 1976. *Introduction to Interpersonal Communication*. New York: Thomas T. Croswell Company.

Danang Dwi Harmoko. 2015. Analisa bahasa Indonesia sebagai bahasa komunikasi antar negara ASEAN. *Kertas Kerja Seminar Inovasi dan Tren (SNIT) 2015. Prosiding SNIT 2015 1-6*.

Djamalul Abidin. 1996. Komunikasi dan Bahasa Dakwah. Jakarta: Gema Insani Press.

Jo Komar & W. A Amir. 2014. Adat Orang Asli Suku Temuan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ma'ruf Redzuwan & Sarjit S. Gill. 2008. Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Muhammad Natsir. 1978. *Fiqhud Dakwah*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Malaysia (ABIM).

- Muhamad Busu. 2016. Kursus bahasa temuan: pengenalan Orang Asli Temuan. Kertas Kerja Bicara Peribumi. Anjuran Pusat Kajian Orang Asli dan Peribumi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 17 Mei.
- Mustafa Daud. 2000. Bahasa dalam Tamadun Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. 2015. Dimensi bahasa dalam agama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Bahiyah Binti Abdul Wahab, Maryati Mohamed, Azman Hassan & Mohd Najib Haron. 2013. Penerapan elemen sekolah rimba malaysia dalam kalangan murid Orang Asli. Kertas Kerja Seminar 2nd International on Quality and Affordable Education, Anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Johor.
- Nurul Salmi Mohd Dazali. 2014. Communication skill among undergraduate students of education in Northen Malaysia. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 4(2): 44-56.
- Ramlee Abdullah. 2016. Cabaran Orang Asli. Kertas Kerja Persidangan Pembangunan Insan Pemimpin Masyarakat Orang Asli, Anjuran Pertubuhan Kebajikan Islam Selangor (PERKIM). Negeri Sembilan, 7-9 November.
- Rohani Mohd Yusof & Noor Hasnoor Mohd Nor. 2014. Bahasa Orang Asli Melayu-Proto: Bahasa atau Dialek Melayu? Kertas Kerja Persidangan Kearifan Tempatan (RCLK), Anjuran Universiti Sains Malaysia, Kuching, Sarawak, 12-13 Oktober.
- Sara Beden & Indirawari Zahid. 2015. Analisis Kesopanan Bahasa dalam Novel Melunas Rindu: Aplikasi Maksim Leech dan Grice. Jurnal Bahasa, Vol. 15 (1): 143-172.
- Sang, Mok Soon. 2012. Prinsip Teras Pengajaran & Pembelajaran I. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd Yusof Hussein. 2003. Teori-Teori Komunikasi. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions.

Sarjit S. Gill, Mohd Roslan Rosnon & Ma'rof Redzuwan. 2010. Acculturation of Consumerism Among the Orang Asli Community in Jelebu, Negeri Sembilan, Journal Social and Science Human. Vol. 18 (2): 321-331.

Shaari Abdul Sukor, Yusoff, Nuraini, Ghazali Mohd Izam & Dali Mohd Hasani. 2011. Kanak-kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: menggapai literasi Bahasa Melayu. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1(1): 59-70.

Siti Aminah Mohamad Sam & Seow Ta Wee. 2013. Kelestarian Pembangunan Sosiobudaya Komuniti Orang Asli. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-4. Anjuran Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Sultan Pendidikan Idris.

Sulaiman Masri. 1998. Komunikasi Berkesan. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Syed Abdurahman Syed Hussin. 2010. Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan. Jurnal Usuluddin. September: 155-179.

Tiang, Xin Kiang. Kesantunan melayu dalam filem ibu mertuaku: karya P. Ramlee.  
<http://www.academia.edu/8168059/KesantunanMelayudalamfilemIbuMertuakukaryaP.Ramlee> [12 Ogos 2016].

Toto Tasmara. 1996. Komunikasi Dakwah. Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama.

Al-Qaradawi, Yusuf. 1996. Thaqafah Daciyyah. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Zainuddin Zakaria & Zaidatul Hidayah Zakaria. 2006. Komunikasi Efektif. Kuala Lumpur: PTS Profesional Sdn. Bhd.

Zaydan, 'Abd Karim. 1993. Usul al-Dackwah. Cetakan ke-3. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Nur Damia Husna Binti Nor Sad  
rhythm\_mia@gmx.com

Zulkefli Bin Haji Aini  
zulaini@ukm.edu.my  
Jabatan Dakwah dan Kepimpinan,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi, Selangor